

## Tidak wajar haramkan poligami tetapi biarkan suami berzina

**SHAH ALAM** - Terdapat sesetengah pasangan yang tidak membenarkan pasangannya untuk berpoligami tetapi sanggup membiarkan pasangannya bergelumang dengan pezinaan.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir bagaimanapun, berkata, seseorang isteri itu perlu merenung situasi itu sedalam-dalamnya.

“Mana lebih baik sama ada membenarkan suami poligami atau membiarkan pasangannya itu berzina.

“Ada individu yang ti-

dak berpoligami dan mempunyai seorang isteri tetapi terlibat dengan zina. Adakah kita mahu membiarkan masyarakat terus terjebak dalam budaya zina asalkan tidak berpoligami?

“Jadi mana lebih baik, berpoligami yang harmoni dan terkawal serta patuh pada syariat ALLAH SWT berbanding pasangan kita terlibat dengan pezinaan,” katanya.

Mohammad Nidzam berkata, terdapat dua perkara yang perlu dititikberatkan apabila mengulas mengenai berpoligami iaitu mengawal dan mengharamkannya.

“Saya bersetuju dalam bab mengawal poligami supaya ia dapat berjalan dengan baik berdasarkan apa yang dijelaskan

ALLAH SWT.

“Tetapi apabila menyentuh perihal mengharamkan poligami ini, ia agak berat. Kalau penentangannya sehingga tahap mengharamkan poligami, ia dikira seperti sudah menentang syariat ALLAH SWT,” kata beliau.

Menurutnya, al-Quran juga sudah menjelaskan dengan sejelas-jelasnya mengenai isu berpoligami supaya ia tidak dipandang serong dan disalah ertikan.

“Dalam Islam, pensyariatian terhadap poligami itu wujud. Islam mengikat berpoligami itu dengan asas keadilan.

“Jika tidak mampu untuk berpoligami dan tidak berkemampuan untuk adil, maka berkahwinlah satu sahaja,” katanya.